



## **GARIS PANDUAN LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN PENGAMAL PERUBATAN (DOKTOR PAKAR) DI HOSPITAL SWASTA SAMA ADA DITAKSIR DI BAWAH INDIVIDU ATAU SYARIKAT**

---

### **1. PENGENALAN**

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan menerangkan layanan cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh pengamal perubatan (selepas ini dirujuk sebagai "Doktor Pakar") yang memberi perkhidmatan perundingan dan rawatan di hospital swasta sama ada ditaksir di bawah individu atau syarikat Sendirian Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat").
- 1.2 Perkhidmatan yang diberikan oleh seorang Doktor Pakar adalah seperti memberi perundingan kepada pesakit, merawat, menjalankan pembedahan, menyarankan atau memberi ubat-ubatan yang bersesuaian serta membuat pemantauan ke atas tahap kesihatan pesakit dari semasa ke semasa.
- 1.3 Doktor Pakar akan menerima bayaran fi perundingan dan juga bayaran-bayaran lain daripada hospital swasta sebagai balasan kepada perkhidmatan yang telah diberikan.

## **2. LAYANAN CUKAI BAGI PENDAPATAN YANG DITERIMA**

- 2.1 Pendapatan fi perundingan dan lain-lain bayaran yang diterima oleh individu Doktor Pakar sebagai balasan atas kapasiti dirinya sebagai individu Doktor Pakar untuk perkhidmatan yang diberikan kepada hospital swasta, sama ada mempunyai perjanjian bertulis atau tidak bertulis adalah pendapatan yang diperolehi daripada menjalankan profesion sebagai doktor. Oleh itu, fi perundingan dan lain-lain bayaran yang diterima oleh individu Doktor Pakar daripada hospital swasta adalah dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan individu Doktor Pakar berkenaan di bawah perenggan 4(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 ( selepas ini dirujuk sebagai "ACP 1967").
- 2.2 Pendirian ini dijelaskan di dalam surat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) kepada Persatuan Perubatan Malaysia bertarikh 28 Jun 2018 bahawa mulai tahun taksiran 2017, pendapatan yang diterima oleh Doktor Pakar daripada perkhidmatan perundingan dan lain-lain perkhidmatan yang diberikan akan ditaksir sebagai pendapatan individu tersebut dan bukannya sebagai pendapatan Syarikat.

## **3. PENDAPATAN DIANGGAP DITAKSIR DI BAWAH INDIVIDU**

Secara prinsipnya, pendapatan fi perundingan dan lain-lain bayaran yang diterima oleh Doktor Pakar daripada perkhidmatan yang diberikan oleh individu Doktor Pakar berkenaan adalah tertakluk kepada cukai ke atas individu tersebut sama ada di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 atau perenggan 4(b) ACP 1967.

### **3.1 Pendapatan ditaksir di bawah perenggan 4(a) ACP 1967**

Sekiranya individu Doktor Pakar menubuhkan syarikat dan memasuki perjanjian dengan hospital swasta untuk memberi perkhidmatan kepakaran kepada pesakit, hospital swasta berkenaan akan membayar fi perundingan dan apa-apa bentuk bayaran lain kepada Syarikat sebagai balasan. Kemudiannya Syarikat akan membayar gaji kepada

individu Doktor Pakar tersebut. Fi perundingan dan apa-apa bentuk bayaran lain yang diterima dari hospital swasta adalah dianggap sebagai pendapatan perniagaan individu Doktor Pakar di bawah perenggan 4(a) ACP 1967. Keputusan ini berdasarkan bahawa fi perundingan dan apa-apa bentuk bayaran lain yang diterima adalah sebagai balasan kepada perkhidmatan kepakaran individu Doktor Pakar. Ini menunjukkan bahawa perjanjian yang dimeterai sama ada perjanjian yang dibuat dengan hospital swasta adalah atas nama individu Doktor Pakar atau Syarikat atau tidak menyatakan nama Doktor Pakar secara spesifik tidak memberi sebarang implikasi yang berbeza terhadap prinsip layanan cukai.

3.1.1 Bagi keadaan di mana individu Doktor Pakar memiliki klinik Sendirian Berhad (selepas ini dirujuk sebagai Klinik Pakar) yang terletak di dalam premis hospital swasta, berikut adalah senario dan layanan cukai yang terpakai -

- a) Pesakit datang ke hospital swasta untuk mendapatkan rawatan. Pesakit berkenaan pula dirujuk kepada Doktor Pakar yang memiliki klinik di hospital berkenaan untuk menerima rawatan yang sewajarnya. Selesai menjalani rawatan, pesakit mendapatkan ubat dari farmasi hospital dan membuat bayaran di kaunter pembayaran hospital. Fi perundingan dan apa-apa bentuk bayaran lain yang diterima dari hospital swasta tersebut dianggap pendapatan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 sebagai pendapatan individu Doktor Pakar.
- b) Pesakit datang terus ke Klinik Pakar untuk mendapatkan rawatan kepakaran daripada doktor dan pesakit memerlukan pembedahan atau rawatan lanjut dengan menggunakan fasiliti hospital seperti dewan pembedahan atau lain-lain, fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima oleh individu Doktor Pakar dari hospital

swasta tersebut juga dianggap sebagai pendapatan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 iaitu pendapatan individu Doktor Pakar.

3.1.2 Apabila beberapa orang individu Doktor Pakar menubuhkan Syarikat dan memasuki perjanjian dengan hospital swasta untuk memberi perkhidmatan kepakaran kepada pesakit, fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima daripada hospital swasta tersebut masih dianggap pendapatan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 sebagai pendapatan individu Doktor Pakar.

3.1.3 Terdapat juga di kalangan Doktor Pakar yang turut menjalankan perniagaan dalam bidang berkaitan perubatan seperti menjual barangan perubatan, farmasi dan alatan bantuan kesihatan selain daripada menjalankan profesion sebagai Doktor Pakar di hospital swasta. Dalam keadaan ini, individu Doktor Pakar mempunyai dua punca pendapatan perniagaan yang berbeza. Fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima dari hospital swasta tersebut dianggap pendapatan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 sebagai pendapatan individu Doktor Pakar. Manakala pendapatan yang diterima hasil daripada perniagaan menjual barangan seperti di atas merupakan punca pendapatan yang berbeza. Kedua-dua punca pendapatan perniagaan ini perlu dilaporkan di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan sebagai punca pendapatan perniagaan yang berasingan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967.

Contoh:

Doktor Lim seorang doktor pakar ortopedik di Hospital Damai. Beliau juga memiliki sebuah syarikat yang menjual peralatan perubatan. Pendapatan Doktor Lim dalam tahun 2019 adalah seperti berikut:

<b>Pendapatan Perniagaan</b>	<b>Fi Perundingan Hospital Damai  (RM)</b>	<b>Syarikat Lim Sdn Bhd (Tahun Berakhir 31 Disember 2019)  (RM)</b>
Pendapatan Kasar Perenggan 4(a) ACP 1967	800,000	300,000
Perbelanjaan Dibenarkan	200,000	100,000
Pendapatan Larasan/Berkanun	600,000	200,000

Pendapatan larasan/berkanun fi perundingan daripada Hospital Damai perlu dilaporkan di dalam Borang B tahun taksiran 2019 dan pendapatan larasan/berkanun perniagaan daripada Syarikat Lim perlu dilaporkan di dalam Borang C tahun taksiran 2019.

- 3.1.4 Dalam keadaan tertentu, terdapat situasi di mana pemegang saham dan pengarah syarikat (Klinik Pakar) terdiri daripada individu Doktor Pakar dan individu lain yang bukan merupakan individu Doktor Pakar yang memberikan perkhidmatan di hospital swasta. Fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima oleh individu Doktor Pakar dari hospital swasta tersebut dianggap pendapatan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 sebagai pendapatan individu Doktor Pakar. Manakala pendapatan yuran pengarah yang diterima oleh individu Doktor Pakar dan individu lain daripada Klinik Pakar tersebut merupakan pendapatan penggajian di bawah perenggan 4(b) ACP 1967.
- 3.1.5 Terdapat juga situasi di mana individu Doktor Pakar merupakan pemegang saham dan pengarah di hospital swasta. Beliau juga menubuhkan Syarikat dan melaporkan fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima daripada hospital swasta

sebagai pendapatan Syarikat. Hospital swasta menandatangani perjanjian dengan Syarikat milik individu Doktor Pakar tersebut dan nama individu Doktor Pakar tidak disebut di dalam perjanjian.

Dalam situasi ini fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima dari hospital swasta tersebut dianggap pendapatan individu Doktor Pakar di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 sebagai balasan kepada perkhidmatan kepakaran individu Doktor Pakar berkenaan. Sekiranya individu Doktor Pakar berkenaan menerima yuran pengarah daripada hospital swasta, maka pendapatan yuran pengarah yang diterima oleh individu Doktor Pakar tersebut merupakan pendapatan penggajian di bawah perenggan 4(b) ACP 1967.

3.1.6 Dalam situasi berbeza, sekiranya individu Doktor Pakar menubuhkan Syarikat dan mempunyai klinik yang **tidak terletak** di dalam premis hospital swasta namun memberi perkhidmatan kepada hospital swasta, fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima dari hospital swasta adalah tertakluk di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 sebagai pendapatan individu Doktor Pakar iaitu sebagai balasan kepada perkhidmatan kepakaran individu Doktor Pakar. Contohnya, individu Doktor Pakar radiologi menandatangani perjanjian dengan hospital swasta untuk perkhidmatan pengimejan diagnostik x-ray semata-mata. Pendapatan lain selain daripada fi perundingan dan bayaran-bayaran lain dari hospital swasta adalah pendapatan Syarikat.

### **3.2 Pendapatan ditaksir di bawah perenggan 4(b) ACP 1967**

Bagi individu Doktor Pakar yang **dilantik** sebagai pekerja (*contract of service*) sama ada secara sepenuh masa atau sebaliknya dengan hospital swasta untuk memberikan perkhidmatan rundingan, menjalankan pembedahan atau memberikan rawatan yang lain dan dibayar gaji atas perkhidmatan yang dijalankan, individu Doktor

Pakar berkenaan dianggap memperoleh pendapatan penggajian di bawah perenggan 4(b) ACP 1967.

#### **4. PENDAPATAN DIANGGAP DITAKSIR DI BAWAH SYARIKAT**

- 4.1 Dalam keadaan tertentu, terdapat pendapatan yang diterima oleh Doktor Pakar boleh tertakluk kepada pendapatan yang ditaksir di bawah Syarikat.

Sebagai contoh, individu Doktor Pakar memiliki klinik Sendirian Berhad (Klinik Pakar) di dalam premis hospital swasta. Pesakit datang terus untuk menerima rawatan kepakaran dari klinik tersebut tanpa dirujuk oleh pihak hospital swasta. Individu Doktor Pakar tidak menggunakan sebarang fasiliti hospital swasta dalam menjalankan rawatan kepada pesakit. Oleh itu, pendapatan yang diterima oleh individu Doktor Pakar tersebut merupakan pendapatan Syarikat di bawah perenggan 4(a) ACP 1967.

- 4.2 Selain itu, sekiranya Klinik Pakar yang dimiliki oleh individu Doktor Pakar tidak berada di dalam premis hospital swasta dan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit juga tidak melibatkan mana-mana hospital swasta, maka fi perundingan dan bayaran-bayaran lain yang diterima daripada pesakit atau pelanggan kepada Klinik Pakar tersebut adalah dicukai di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 sebagai pendapatan Syarikat.

#### **5. LAYANAN CUKAI BAGI PERBELANJAAN**

- 5.1 Pada amnya, perbelanjaan yang dilakukan kesemuanya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan oleh seseorang Doktor Pakar dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan di bawah seksyen 33 ACP 1967.

- 5.2 Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 39 ACP 1967 pula perbelanjaan yang tidak layak dibenarkan sebagai potongan adalah seperti perbelanjaan persendirian atau perbelanjaan yang berbentuk modal.
- 5.3 Contoh perbelanjaan yang layak dibenarkan sebagai potongan daripada punca pendapatan fi perundangan dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan adalah seperti berikut:

#### **5.3.1 Insurans Indemniti Profesional (IIP)**

IIP ialah polisi insurans untuk seorang profesional yang akan melindungi dirinya daripada liabiliti atau risiko disaman atas dakwaan kecuaiian, kesilapan atau pelanggaran tugas semasa mempraktikkan profesionnya atau menjalankan perniagaannya. Insurans ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada doktor yang berdepan tindakan undang-undang seperti disaman akibat kecuaiian ketika bertugas. Seseorang Doktor Pakar adalah dibenarkan menuntut perbelanjaan ke atas premium IIP sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan kerana beliau menjalankan perniagaan berkaitan dengan profesionnya.

#### **5.3.2 Seminar, bengkel atau persidangan**

Bayaran fi yang dilakukan oleh individu Doktor Pakar untuk menghadiri aktiviti *Continuing Professional Development* (CPD) seperti seminar, bengkel atau persidangan yang diluluskan oleh *CPD Review Committees* bagi tujuan memperbaharui perakuan pengamal tahunannya dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar.



### **5.3.3 Caruman Majikan ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Caruman untuk pekerja yang dibuat oleh majikan ke dalam KWSP dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan di bawah perenggan 34(4)(a) ACP 1967. Bagi Syarikat, sekiranya Syarikat membuat caruman majikan ke dalam KWSP pengarah (individu Doktor Pakar) Syarikat berkenaan, caruman tersebut dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar Syarikat. Walau bagaimanapun, bagi kes perniagaan pemilikan tunggal, caruman majikan ke dalam KWSP individu Doktor Pakar (pemilik tunggal) merupakan perbelanjaan yang tidak dibenarkan di bawah seksyen 39 ACP1967.

### **5.3.4 Sewa bilik doktor / peralatan / bilik pembedahan di hospital swasta**

Perbelanjaan ini layak sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan.

### **5.3.5 Perbelanjaan lain yang dibenarkan**

Perbelanjaan lain yang boleh dibenarkan ialah bayaran lesen pengamal perubatan, caj pentadbiran yang dikenakan oleh pihak hospital swasta, gaji pekerja, alat tulis, telefon, internet dan caj faksimili.

5.4 Rujukan mengenai perbelanjaan yang layak boleh diperolehi daripada Ketetapan Umum berikut:

5.4.1 No.1/2019: Insurans Indemniti Profesional;

5.4.2 No.6/2006: Layanan Cukai Ke Atas Perbelanjaan Guaman Dan Profesional;

5.4.3 No.5/2018: Pencukaaian Individu Bermastautin Bahagian II Pengiraan Jumlah Pendapatan Dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai;

5.4.4 No.1/2005: Pengiraan Jumlah Pendapatan Bagi Individu; dan

5.4.5 No.5/2000: Penyimpanan Rekod Yang Mencukupi (Individu & Perkongsian).

## **6. ELAUN MODAL**

6.1 Seseorang Doktor Pakar yang melakukan perbelanjaan layak ke atas aset yang digunakan bagi tujuan perniagaan layak menuntut elaun modal di bawah Jadual 3 ACP 1967.

6.2 Rujukan mengenai elaun modal boleh diperolehi daripada Ketetapan Umum berikut:

6.2.1 No. 6/2015: Perbelanjaan Yang Layak & Pengiraan Elaun Modal;

6.2.2 No. 5/2014: Pemilikan & Penggunaan Aset Bagi Tujuan Tuntutan Elaun Modal: dan

6.2.3 No.10/2014: Elaun Khas Bagi Aset Bernilai Kecil.

## **7. TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI**

7.1 Pembayar cukai hendaklah menyimpan rekod dan dokumen sokongan berkaitan pendapatan dan perbelanjaan bagi tujuan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

7.2 Rekod dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula dari akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

**8. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Dasar Percukaian  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Aras 17, Menara Hasil  
Persiaran Rimba Permai  
Cyber 8, Cyberjaya  
63000 Selangor  
No. tel.: 03-83138888

Tarikh: 16 Mac 2022

s.k : 600-1/7/3